

ميموريال تونكو عبدالرحمن قوترا



Um-3/9/2007

سباکاي کديامن راسمي دري 30 جون 1956 هيڱک تاهون 1970. باغونن ريسيديني مروفان کديامن راسمي کتوا منترې تانه ملايو يځ فرتام دان جوک کديامن راسمي فرجام منترې مليسيا يځ فرتام.

باغونن يځ براوسيا 100 تاهون اين ممقويائي سجارهڻ ترسنديري. سماس فمرينتهن بریتيش، باغونن اين دجاديکن کديامن راسمي باکي ريسيدن ۲ بریتيش دسلاهور.

باغونن اصل اين تله دفيندهکن دري کلځ ککوالا لمفور قد تاهون 1880 اوليه ريسيدن بریتيش سلاهور قد ماس ايت، کفتن ديليو. بلومفيلد دوکلس دان دديريکن داتس تافق دجالن بروکمن يځ کمودينډ دتوکر کهد جالن داتو عون اوليه تونکو عبدالرحمن قد تاهون 1963.

سلاين درقد باغونن ريسيديني، ميموريال تونکو عبدالرحمن توروت منمکتکن فجابت لاما المرحوم تونکو سماس منجادي فرجام منترې فرتام. فجابت کايو اين دتمکتکن ددالم باغونن ميموريال دشن مځکلکن فرالتن ۲ فجابت يځ دکوناکن اوليه المرحوم تونکو دهولو.

دوا بواه باغونن بارو يځ دينا دکوا-دوا بله باغونن ريسيديني منمکتکن رواج قاميرن، اوديتوريوم، فرقوستاکان دان ديوان فيليديقن سرتا کدوغ دان قاميرن فجابت لاما المرحوم تونکو. دميموريال اين جوک ترداقت سبواه اوکيرن ايميج المرحوم تونکو عبدالرحمن يځ دقربوات درقد کرانيت هيتم سرتا 32 بواه باتو هيتم لاین يځ منچاتکن فريستيووا ۲ فنتيغ برکايين دشن المرحوم تونکو دان نکارا اونتوق تاتمن قارا فلاوت.

ميموريال اين دبوک اونتوق لاوتن اورغ راماي دان دتوتوف قد ستياف هاري اثنين کچوالي کتيک چوتي عموم دان چوتي سکوله. ماس لاوتن برمولا قد فوکول 10 فاکي هيڱک 5.30 فتنغ دري هاري ثلاث هيڱک هاري خميس. ماناکالا قد هاري جمعة ماس لاوتن دري فوکول 10 فاکي هيڱک 12 تغه هاري دان دبوک سمولا قد فوکول 3 فتنغ هيڱک 5.30 فتنغ. - معلومت درقد ارکيب نکارا.



اوکيرن ايميج المرحوم تونکو عبدالرحمن يځ دقربوات درقد کرانيت هيتم.

دو بواه باغونن بارو دکيري دان کان باغونن ريسيديني. تاريخن اوتام کميموريال تونکو عبدالرحمن قوترا اياله باغونن ريسيديني ترلتق دتغه تغه انتارا دو باغونن يځ بارو دينا. ريسيديني اداله رومه راسمي دکوناکن اوليه المرحوم تونکو

المرحوم تونکو. سلاين ايت، ترداقت جوک قاميرن باغونن فجابت لاما المرحوم تونکو کتيک برخدمت سباکاي فرجام منترې. ميموريال تونکو عبدالرحمن قوترا، مرغکومي تيگ باغونن فنتيغ ياييت باغونن ريسيديني سباکاي باغونن اوتام

ميموريال تونکو عبدالرحمن قوترا ترلتق دجالن داتو عون، کوالا لمفور برلاتربلاکتن قانونا مځهجاو دديريکن سباکاي ممفرايقتي دان مځنغ جاس بقتي، سومبځن المرحوم تونکو عبدالرحمن سباکاي باف کمردیکان دان فرجام منترې مليسيا يځ فرتام.

فروجيک فمبينان ميموريال ايت تله دلنچرکن اوليه داتو سري دوکتور محضير محمد قد 7 جولاي 1992 سباکاي سواتو فقيعترافن کانس سځالا فرجواشن دان سومبځن باف کمردیکان نکارا ترهادف کمردیکان دان کهرمونين بځسا دمليسيا.

فمبوکان راسمي ميموريال اين تله دسمقورناکن اوليه دوکتور محضير محمد تځکل 11 نوؤيمبر 1994، مقاميرکن واريتن برکايين دشن المرحوم تونکو يځ ترديري درقد فلباکاي باهن سفرتي دوکومن، کامبر، هديه، کرتن اخبار، باجو دان قراوت.

ترداقت جوک سودوت تايغن اوديو ويسوال/فيلم مځناي المرحوم تونکو. کسموا باهن يځ دقاميرکن اداله برداسرکن کهد تيمما ترنتو برتوجوان ممودهکن فلاوت مځلي المرحوم تونکو سچارا فريادي. انتارا تيمما ترسبوت اياله المرحوم تونکو دان ميديا مسسا، فلسفه/کونسيٺ المرحوم تونکو دان بيوگرافي



ميموريال تونکو عبدالرحمن - سواتو فقيعترافن کانس سومبځن باف کمردیکان نکارا ترهادف کمردیکان دان کهرمونين بځسا مليسيا.

MEMORIAL TUNKU ABDUL RAHMAN PUTERA

Memorial Tunku Abdul Rahman Putera terletak di Jalan Dato'Onn. Kuala Lumpur berlatar belakang panorama menghijau didirikan sebagai memperingati dan mengenang jasa bakti, sumbangan Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Projek pembangunan memorial itu telah dilancarkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 7 Julai 1992 sebagai satu pengiktirafan ke atas segala perjuangan dan sumbangan Bapa Kemerdekaan dan keharmonian bangsa Malaysia.

Pembukaan rasmi memorial ini telah disempurnakan oleh Dr Mahathir Mohamad tanggal 11 November 1994, mempamerkan warisan berkaitan dengan Almarhum Tunku yang terdiri daripada pelbagai bahan seperti dokumen, gambar, hadiah, keratan akhbar baju dan perabot.

Terdapat juga sudut tayangan audio visual/filem mengenai Almarhum Tunku. Kesemua bahan yang dipamerkan adalah berdasarkan kepada tema-tema tertentu bertujuan memudahkan pelawat mengenali Almarhum Tunku secara peribadi. Antara tema tersebut ialah Almarhum Tunku dan media massa, falsafah/konsep almarhum Tunku dan biografi Almarhum Tunku. Selain itu, terdapat juga bangunan pejabat lama Almarhum Tunku ketika berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Memorial Tunku Abdul Rahman Putera, merangkumi tiga bangunan penting iaitu bangunan residensi sebagai bangunan utama dan dua buah bangunan baru di kiri dan kanan bangunan residensi. Tarikan utama ke memorial Tunku Abdul Rahman Putera ialah bangunan residensi terletak di tengah-tengah antara dua bangunan yang baru dibina. Residensi adalah rumah rasmi digunakan oleh Almarhum Tunku sebagai kediaman rasmi dari 30 Jun 1956 hingga tahun 1970. Bangunan residensi merupakan kediaman rasmi Ketua Menteri Tanah yang pertama dan juga kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Bangunan yang berusia 100 tahun ini mempunyai sejarahnya tersendiri. Semasa pemerintahan British, bangunan ini dijadikan kediaman rasmi bagi residen-residen British di Selangor. Bangunan asli ini telah dipindahkan dari Kelang Ke Kuala Lumpur pada tahun 1880 oleh residen British Selangor pada masa itu, Kapten W. Blomfield Douglas dan didirikan di atas tapak di Jalan Brookman yang kemudiannya ditukar kepada Jalan Dato' Onn oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1963.

Selain daripada bangunan residensi, memorial Tunku Abdul Rahman turut menampilkan pejabat lama almarhum Tunku semasa menjadi Perdana Menteri pertama. Pejabat kayu ini ditempatkan di dalam bangunan memorial dengan mengekalkan peralatan-peralatan pejabat yang digunakan oleh Almarhum Tunku dahulu.

Dua buah bangunan baru yang dibina di kedua-dua belah bangunan residensi menampilkan ruang pameran auditorium, perpustakaan dan dewan penyelidikan serta gedung dan pameran pejabat lama Almarhum Tunku. Di memorial ini juga terdapat sebuah ukiran imej Almarhum Tunku Abdul Rahman yang diperbuat daripada granit hitam serta 32

batu hitam lain yang mencatatkan peristiwa-peristiwa penting berkaitan dengan Almarhum Tunku dan negara untuk tatapan para pelawat.

Memorial ini dibuka untuk lawatan orang ramai dan ditutup pada setiap hari Isnin kecuali ketika cuti umum dan cuti sekolah. Masa lawatan bermula pada pukul 10 pagi hingga 5.30 petang dari hari Selasa hingga hari Khamis. Manakala pada hari Jumaat masa lawatan dari pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dan dibuka semula pada pukul 3 petang hingga 5.30 petang.-Maklumat daripada Arkib Negara.